

SALAH FAHAM
MENGENAI

Penyakit Mental

Salah Faham Mengenai Penyakit Mental

- **Semua pesakit mental adalah tidak siuman**

Kebanyakan penyakit mental tidak menyebabkan pengidapnya menjadi tidak siuman. Hanya sebahagian kecil sahaja, iaitu yang mengidap penyakit psikosis yang melibatkan gangguan kewarasan, itu pun kebanyakannya daripadanya adalah bersifat sementara dan boleh dirawat.

- **Semua penyakit mental disebabkan faktor genetik atau keturunan**

Di samping faktor keturunan, terdapat banyak faktor-faktor lain yang berperanan menyebabkan terjadinya penyakit mental. Buktinya, tidak semua mereka yang berpenyakit mental mempunyai anggota keluarga yang sakit serupa, begitu juga ramai daripada mereka yang mempunyai sejarah penyakit mental dalam keluarga, tetapi tidak mengidap penyakit berkenaan.

- **Pesakit mental hanya boleh dirawat di institusi psikiatri atau hospital mental sahaja**

Sebahagian besar penyakit mental boleh dirawat di luar institusi psikiatri. Malah kebanyakannya dapat dirawat sebagai pesakit luar. Yang dirawat di hospital hanyalah mereka yang sakit teruk kerana penyakitnya terbiar lama dan tidak mendapat rawatan doktor atau mereka yang mengalami 'relapse' (penyakit berulang) kerana berhenti memakan ubat.

- **Pesakit mental tidak dapat menjalani kehidupan biasa dan sentiasa bergantung kepada orang lain**

Sama seperti penyakit fizikal, penyakit mental pun sekiranya diberikan rawatan yang teratur dan berterusan boleh menyebabkan kesembuhan. Pesakit yang pulih akan dapat berfungsi dan menjalani kehidupan sama seperti manusia lain. Bagi mereka yang hilang upaya akibat mengidap penyakit mental yang lama pun masih mampu berdikari sekiranya menjalani rawatan pemulihan.

- **Pesakit mental selalu mengganas dan perlu diasingkan**

Jumlah pesakit mental yang mengganas adalah sangat kecil. Keadaan ini bersifat sementara sahaja dan terjadi kerana penyakit mental yang dialami tidak mendapat rawatan dan ianya bukanlah disengajakan. Dengan rawatan yang sempurna, pesakit mental akan menjadi lebih tenang, terkawal dan mereka tidak perlu disisihkan dari masyarakat.

- **Pesakit mental tidak boleh bekerja**

Pesakit mental yang teruk pun boleh bekerja dan berdikari ditahap memuaskan jika mereka diberikan rawatan intensif melalui program pemulihan yang komprehensif dan sistematik.

- **Pesakit mental merupakan orang yang lemah semangat dan suka menurut perasaannya**

Pesakit mental bukan orang yang lemah semangat. Mereka kelihatan lemah semangat dan menurut perasaan akibat penyakit yang dialaminya.

- **Pesakit mental perlu diasingkan**

Pesakit mental biasanya dapat baik dengan segera apabila mendapat rawatan yang sempurna. Mereka dapat dirawat di dalam masyarakat tanpa pengasingan.

- **Penyakit mental boleh berjangkit. Elakkan bergaul dengan mereka.**

Penyakit mental tidak boleh berjangkit seperti penyakit cacar atau kolera. Tiada kuman yang boleh merebakkan penyakit mental.

- **Oleh kerana punca sebenar penyakit mental tidak diketahui maka iaanya mustahil dicegah**

Walaupun punca tidak diketahui secara pasti, usaha mencegah penyakit mental masih dapat dilaksanakan dengan berkesan melalui langkah-langkah intervensi awal terutama bagi mereka yang berisiko tinggi. Langkah-langkah pencegahan yang dapat dilakukan ialah pengendalian tekanan mental yang positif, peningkatan pemahaman kesihatan mental dan mengamalkan cara hidup yang sihat.

- **Pesakit mental mempunyai 'split personality' kadang-kadang baik, kadang-kadang jahat. Oleh itu mereka tidak boleh dipercayai.**

Tanda-tanda yang ketara pada seorang pesakit mental adalah akibat penyakit dan bukan akibat 'split personality'

- **Pesakit mental ini sebenarnya mengada-gada dan sengaja hendak menarik perhatian orang lain.**

Tanda-tanda penyakit mental bukan dibuat-buat malah adalah tanda penyakit yang sebenarnya.

